# TERM DEPOSIT-i (TAWARRUQ) / DEPOSIT BERTEMPOH-i (TAWARRUQ)

*(Protected by PIDM up to RM250,000 for each depositor / Dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit)*

**Effective 1 January 2022 / Berkuat kuasa 1 Januari 2022**

## IMPORTANT NOTICE:

**CUSTOMER IS ADVISED TO READ AND UNDERSTAND THE TERMS AND CONDITIONS BEFORE AGREEING TO SUBSCRIBE FOR ANY PRODUCT OR SERVICE AND/OR PARTICIPATING IN ANY OF BANK ISLAM'S CAMPAIGNS AND PROMOTIONS.**

## NOTIS PENTING:

**PELANGGAN ADALAH DINASIHATI UNTUK MEMBACA DAN MEMAHAMI TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT SEBELUM BERSETUJU UNTUK MELANGGAN MANA-MANA PRODUK ATAU PERKHIDMATAN DAN/ATAU MENGAMBIL BAHAGIAN DI DALAM MANA-MANA KEMPEN DAN PROMOSI BANK ISLAM.**

**PRODUCTS SUBJECT TO THIS TERMS AND CONDITIONS ("THIS T&C") ARE AS FOLLOWS:**

1. Term Deposit-i (Tawarruq); and
2. Term Deposit-i (Tawarruq) Special.

**PRODUK YANG TERTAKLUK KEPADA TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT AM INI ("T&C INI") ADALAH SEPERTI BERIKUT:**

1. Deposit Bertempoh-i (Tawarruq); dan
2. Deposit Bertempoh-i (Tawarruq) Khas.

## A GENERIC TERMS AND CONDITIONS

### 1.0 DEFINITION

In this T&C, unless otherwise provided, the following words shall have the meaning as set out below:

**"Bank Islam"** means Bank Islam Malaysia Berhad (Company No. 198301002944) a company incorporated in Malaysia with its registered address at Level 32, Menara Bank Islam, 22 Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur.

**"Commodity"** means any commodity acceptable to Bank Islam e.g. palm oil, plastic resin, rubber, cocoa beans, soybeans, timber and metal (excluding gold and silver) tradedat any commodity trading platform approved by Bank Islam.The purchase and sale of the commodity are performed based on the mandate of the customer, where Bank Islam as Commodity Purchase and Sale Agent trades the Commodity as made available and provided by commodity providers subject to Bank Islam's prevailing policies.

**"Customer"** means the accountholder of TDT/TDTS.

**"Deposit Amount"** means the amount deposited into the TDT/TDTS by the Customer whereby Bank Islam will subsequently purchase the Commodity from commodity suppliers. For the avoidance of doubt in the case of auto deposit renewal with profit amount, Deposit Amount refersto the original deposit amount deposited into the TDT/TDTS account plus the profit amount earned in previous deposit placement (if any).

**"Term Deposit-i (Tawarruq) and Term Deposit-i (Tawarruq) Special"** or "**TDT/TDTS**" means the product offered by Bank Islam based on the Shariah concept of Tawarruq.

### 2.0 SHARIAH PRINCIPLE

Bank Islam shall accept the sum of money deposited and any sum of monies to be subsequently deposited in the TDT/TDTS based on the Shariah principle of Tawarruq.

## A TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT AM

### 1.0 DEFINISI

Di dalam T&C ini, melainkan jika diperuntukkan sebaliknya, perkataan-perkataan berikut hendaklah mempunyai erti seperti yang dinyatakan di bawah:

**"Bank Islam"** bermaksud Bank Islam Malaysia Berhad (No. Syarikat 198301002944) sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dengan pejabat berdaftar Tingkat 32, Menara Bank Islam, 22 Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur.

**"Komoditi"** bermaksud apa-apa komoditi yang diterima oleh Bank contohnya minyak kelapa sawit, resin plastik, getah, biji koko, kacang soya, kayu balak dan logam (tidak termasuk emas dan perak) yang diurusniagakan di mana-mana platform komoditi yang diluluskan oleh Bank Islam. Pembelian dan penjualan komoditi tersebut dibuat berdasarkan mandat yang diberikan oleh pihak pelanggan, di mana Bank Islam sebagai Ejen Belian dan Jualan Komoditi berurusniaga menggunakan Komoditi yangsedia ada dan dibekalkan oleh pembekal komoditi tertakluk kepada polisi-polisi Bank Islam yang terpakai.

**"Pelanggan"** bermaksud pemegang akaun TDT/TDTS.

**"Amaun Deposit"** bermaksud amaun yang didepositkan ke dalam akaun TDT/TDTS oleh Pelanggan di mana Bank Islam kemudiannya akan membeli Komoditi daripada pembekal komoditi. Bagi mengelakkan keraguan dalam hal pembaharuan deposit berserta amaun keuntungan, Amaun Deposit merujuk kepada amaun deposit asal akaun TDT/TDTS berserta amaun keuntungan yang diperolehi dalam tempoh deposit sebelumnya (jika ada).

**"Deposit Bertempoh-i (Tawarruq) dan Deposit Bertempoh-i (Tawarruq) Khas" atau "TDT/TDTS"** bermaksud produk yang ditawarkan oleh Bank Islam berdasarkan konsep Syariah Tawarruq.

### 2.0 PRINSIP SYARIAH

Bank Islam akan menerima jumlah wang yang didepositkan dan apa-apa jumlah wang yang akan didepositkan seterusnya dalam TDT/TDTS berdasarkan prinsip Syariah Tawarruq.

## 3.0 TAWARRUQ

A tawarruq consists of two sale and purchase contracts. The first involves the sale of an asset by a seller to a purchaser on a deferred basis. Subsequently, the purchaser of the first sale will sell the same asset to a third party on a cash and spot basis.

## 3.0 TAWARRUQ

Tawarruq mempunyai dua kontrak belian dan jualan. Kontrak pertama melibatkan jualan aset daripada penjual kepada pembeli secara tangguh. Seterusnya, pembeli bagi kontrak jualan pertama akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan pada masa yang sama.

## 4.0 OPENING OF ACCOUNT

4.1 Bank Islam reserves the right to stipulate and vary, from time to time, the minimum amount of initial deposit required to open the account.

4.2 Any application to open a TDT/TDTS shall be made using the prescribed form and may be accompanied with the relevant documents as requested by Bank Islam. For application made by company, an instruction letter signed by the applicant's authorized signatories may be requested by Bank Islam.

4.3 Individuals who have attained the age of at least 18 years are eligible to open a TDT/TDTS account individually or jointly.

4.4 Bank Islam is authorised to act on all instructions given in accordance with the signing instructions stated in the account opening form and the Specimen Signature Card (or otherwise provided to and accepted by Bank Islam. If any instructions are ambiguous or Bank Islam receives conflicting instructions, Bank Islam reserves the right not to act upon any instructions until the conflict has been resolved to Bank Islam's satisfaction, without any liability to Bank Islam. Customers are required to use the same style of signature on all withdrawal instructions, letters etc. as that on the account opening form or the specimen card.

4.5 By executing the application form for the opening of account and/or performing his/her biometric scanning at Bank Islam, the Customer hereby agrees to appoint Bank Islam as a Commodity Purchase and Sale Agent for the Commodity Purchase Transaction(s) and/or Commodity Murabahah Transaction(s) and/or manage the account opening process.

4.6 Bank Islam may, to the extend permitted by law and Shariah principles accept the opening or continuance of this product.

## 4.0 PEMBUKAAN AKAUN

4.1 Bank Islam mempunyai hak untuk menetapkan dan mengubah, dari semasa ke semasa, jumlah deposit minimum yang diperlukan untuk membuka akaun.

4.2 Sebarang permohonan untuk membuka TDT/TDTS hendaklah dibuat dengan menggunakan borang yang telah ditetapkan dan mungkin disertakan beserta dokumen-dokumen yang berkaitan, seperti mana yang diminta oleh Bank Islam. Bagi permohonanan yang dibuat oleh Syarikat, surat arahan yang ditandatangani oleh penandatangan sah yang dilantik juga mungkin diminta oleh Bank Islam.

4.3 Individu yang telah mencapai usia sekurang-kurangnya 18 tahun layak untuk membuka akaun TDT/TDTS secara individu atau bersama.

4.4 Bank Islam diberi kuasa untuk bertindak atas semua arahan yang diberikan mengikut arahan penandatangan yang dinyatakan dalam borang pembukaan akaun dan Kad Tandatangan Spesimen (atau sebaliknya disediakan kepada dan diterima oleh Bank Islam). Sekiranya terdapat apa-apa arahan yang tidak jelas atau Bank Islam menerima arahan yang bercanggah, Bank Islam mempunyai hak untuk tidak bertindak atas apa-apa arahan sehingga konflik tersebut telah diselesaikan menurut kepuasan Bank Islam tanpa sebarang liabiliti kepada Bank Islam. Pelanggan dikehendaki menggunakan gaya tandatangan yang sama pada semua arahan pengeluaran, surat dan lain-lain seperti yang terdapat pada borang pembukaan akaun atau kad spesimen.

4.5 Dengan menandatangani borang permohonan pembukaan akaun dan/atau membuat imbasan biometrik kepada Bank Islam, Pelanggan dengan ini bersetuju untuk melantik Bank Islam sebagai Ejen Belian dan Jualan untuk Transaksi Pembelian Komoditi dan/atau Transaksi Komoditi Berasaskan Murabahah dan/atau untuk menguruskan proses pembukaan akaun.

4.6 Bank Islam boleh, setakat yang dibenarkan oleh undang-undang dan prinsip Shariah menerima pembukaan atau penerusan produk ini.

## 5.0 JOINT ACCOUNT

The following terms and conditions shall apply to a joint account:

a) the liability of the joint accountholder to Bank Islam shall be joint and several;

b) in the event of bankruptcy or demise one of the joint accountholders, Bank Islam is authorised to close the joint account and release the remaining balance in the joint account to the surviving or solvent accountholders as trustee. Such release shall constitute a valid discharge by Bank Islam of the amount in the account without any liability to the accountholders or heirs of the joint accountholders;

## 5.0 AKAUN BERSAMA

Terma-terma dan syarat-syarat yang berikut terpakai bagi suatu akaun bersama:

a) liabiliti pemegang akaun bersama kepada Bank Islam adalah secara bersama dan berasingan;

b) jika salah seorang daripada pemegang akaun bersama meninggal dunia atau diisytihar bankrap, Bank Islam berhak untuk menutup akaun bersama dan melepaskan baki daripada akaun bersama tersebut kepada pemegang akaun yang tidak muflis atau masih hidup sebagai pemegang amanah. Pelepasan daripada jumlah dalam akaun tersebut akan menjadi pelepasan yang sah oleh Bank Islam tanpa sebarang liabiliti terhadap pemegang-pemegang akaun atau atau waris-waris kepada pemegang akaun bersama;

c) if any instructions from joint accountholders are ambiguous or Bank Islam receives conflicting instructions, Bank Islam reserves the right not to act upon any instructions until the conflict has been resolved to Bank Islam's satisfaction, without any liability to the joint accountholders; and

d) any amendment to this mandate shall require the signatures of the joint accountholders. Any request to close the account will be treated as valid and acceptable by Bank Islam if it is signed by all the joint accountholders.

c) sekiranya terdapat apa-apa arahan dari pemegang akaun bersama yang tidak jelas atau bercanggah, Bank Islam berhak untuk tidak bertindak atas apa-apa arahan sehingga konflik tersebut telah diselesaikan menurut kepuasan Bank Islam tanpa sebarang liabiliti kepada pemegang akaun bersama; dan

d) Sebarang pindaan kepada mandat memerlukan tandatangan daripada pemegang akaun bersama. Sebarang permintaan untuk menutup akaun akan dianggap sebagai sah dan boleh diterima oleh Bank Islam jika ia ditandatangani oleh semua pemegang akaun bersama.

---

**6.0 PARTNERSHIP ACCOUNT**

The following terms and conditions shall apply to a partnership account:

a) the liability of the joint account holder to Bank Islam shall be joint and several;

b) if the partnership is dissolved, the remaining balance in the account shall be distributed based on the partnership agreement or the court's order;

c) any instruction issued pertaining to the operation of the partnership account shall remain enforceable until its revocation in writing, without taking into consideration any amendments made to the constitution or the firm's name and it is applicable without taking into consideration of the firm's membership affected by the death of the partner, bankruptcy and retirement or with the entry of the new partner;

d) if any instructions from any partners and/or the authorised signatories of the partnership TDT/TDTS is too ambiguous or Bank Islam receives conflicting instructions, Bank Islam reserves the right not to act based upon any of the instructions until the conflict has been resolved up to Bank Islam's satisfaction, without any liability to the partnership TDT/TDTS, the partners and/or authorised signatories of the partnership TDT/TDTS; and

e) any amendment to the mandate would require agreement and signature from all partners. Any request to close the TDT/TDTS will be considered valid and acceptable by Bank Islam if it is agreed and signed by all partners.

**6.0 AKAUN PERKONGSIAN**

Terma-terma dan syarat-syarat berikut terpakai bagi akaun perkongsian:

a) liabiliti pemegang akaun bersama kepada Bank Islam adalah secara bersama dan berasingan;

b) jika perkongsian itu dibubarkan, jumlah baki di dalam akaun akan diagihkan mengikut perjanjian perkongsian atau perintah mahkamah;

c) apa-apa arahan yang diberikan untuk pengoperasian akaun perkongsian akan kekal berkuat kuasa sehingga pembatalannya secara bertulis, tanpa mengambil kira sebarang perubahan dalam perlembagaan atau nama firma dan adalah terpakai tanpa mengambil kira perubahan dalam keahlian firma samada akibat kematian rakan kongsi, kebankrapan dan persaraan atau dengan kemasukan rakan kongsi yang baharu;

d) sekiranya terdapat apa-apa arahan dari mana-mana rakan kongsi atau penandatangan sah akaun perkongsian TDT/TDTS yang tidak jelas atau bercanggah Bank Islam berhak untuk tidak bertindak atas apa-apa arahan sehingga konflik tersebut telah diselesaikan menurut kepuasan Bank Islam, tanpa sebarang liabiliti kepada akaun perkongsian TDT/TDTS, mana-mana rakan kongsi dan/atau penandatangan sah TDT/TDTS tersebut; dan

e) melainkan dipersetujui selainnya oleh semua rakan kongsi, sebarang pindaan kepada mandat memerlukan tandatangan daripada semua rakan kongsi. Sebarang permintaan untuk menutup TDT/TDTS akan dianggap sebagai sah dan boleh diterima oleh Bank Islam jika ditandatangani oleh semua rakan kongsi.

---

**7.0 DEPOSIT TRANSACTION**

7.1 By opening the TDT/TDTS account and depositing money into the said account, Bank Islam promises to the Customerto purchase Commodity from the Customer under Murabahah contract on deferred payment basis**.**

Based on Shariah contract of Wakalah, the Customer appoints Bank Islam to act as the Customer's agent for the purchase and sale of the Commodity ("Commodity Purchase and Sale Agent") in accordance with the terms and conditions herein contained. Bank Islam will only act as the Customer's agent and will not be deemed to have any additional obligations, or to have any special relationship with the Customer other than those for which specific provision is made in this T&C.

7.2 As the Commodity Purchase and Sale Agent, Bank Islam shall, during the tenure of the deposit and any subsequent deposit placement inclusive any new deposit placement at different tenure of deposit, have the following power and authority:

**7.0 TRANSAKSI DEPOSIT**

7.1 Dengan membuka akaun TDT/TDTS dan mendepositkan wang ke dalam akaun tersebut, Bank Islam berjanji kepada Pelanggan untuk membeli Komoditi tersebut daripada Pelanggan di bawah kontrak Murabahah dengan bayaran tertangguh.

Berdasarkan kontrak Syariah iaitu Wakalah, Pelanggan melantik Bank Islam untuk bertindak sebagai ejen untuk membeli dan menjual Komoditi bagi pihak Pelanggan ("Ejen Belian dan Jualan Komoditi") berdasarkan terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan. Bank Islam hanya bertindak sebagai ejen dan tidak akan dianggap mempunyai apa-apa tanggungjawab tambahan, atau mempunyai sebarang hubungan istimewa dengan Pelanggan selain yang telah ditentukan di dalam T&C ini.

7.2 Sebagai Ejen Belian dan Jualan Komoditi, Bank Islam semasa tempoh deposit dan pada sebarang tempoh deposit berikutnya termasuk sebarang pendepositan wang yang baru pada tempoh deposit yang berbeza, berhak dan mempunyai kuasa berikut:

a) To perform and execute all acts with respect to the purchase of the Commodity at Deposit Amount on cash basis ("Commodity Purchase Transaction(s)") through purchase agreements, certificates and other instruments as the Customer could do himself/itself and to negotiate with commodity suppliers on behalf of the Customer; and

b) To sell the Commodity on deferred payment to Bank Islam at Deposit Amount plus profit ("Sale Price (Murabahah)") on behalf of the Customer and to perform all requirements in relation thereto ("Commodity Murabahah Transaction(s)").

PROVIDED ALWAYS that the above said mandate given to Bank Islam as Commodity Purchase and Sale Agent shall be subject to Bank Islam's prevailing profit rate under the Commodity Murabahah Transaction(s). Confirmation of Transaction(s) relating to the Customer's purchase and sale of the Commodity will be issued by Bank Islam to the Customer (upon request) confirming the purchase of the Commodity from the commodity suppliers and the sale of the Commodity to Bank Islam.

7.3 The Customer however has an option to take delivery of the Commodity prior completion of the Tawarruq transactions by giving notice to Bank Islam, subject to all the costs and expenses in relation thereto shall be borne entirely by the Customer.

7.4 Bank Islam will, in performing its obligations and activities in the Commodity Purchase Transaction(s) and/or Commodity Murabahah Transaction(s) look after the best interest of the Customer and act in good faith.

7.5 The Customer shall indemnify and keep Bank Islam indemnified against all losses, claims, actions, proceedings, damages, costs and expenses whatsoever brought or claimed by any party and/or incurred or sustained by Bank Islam as a result of Commodity Transactions as agent of the Customer or any breach of this T&C by the Customer, save for those directly arising as a result of Bank Islam's misconduct, negligence or breach of specified terms. The indemnity given hereunder shall survive termination of the agency relationship and any sums payable in relation thereto shallnot be subject to any deduction whether by way of set off counter claim or otherwise.

a) Untuk melaksanakan dan menyempurnakan kesemua syarat-syarat pembelian Komoditi pada Amaun Deposit secara tunai ("Transaksi Pembelian Komoditi") melalui perjanjian pembelian, sijil-sijil dan lain-lain instrumen dan membuat rundingan dengan pembekal komoditi bagi pihak Pelanggan; dan

b) Untuk menjual Komoditi tersebut dengan bayaran tertangguh kepada Bank Islam pada Amaun Deposit berserta keuntungan ("Harga Jualan (Murabahah)") bagi pihak Pelanggan dan melaksanakan segala syarat- syarat berhubung dengan transaksi jualan tersebut ("Transaksi Komoditi Berasaskan Murabahah").

DENGAN SYARAT bahawa mandat yang diberikan kepada Bank sebagai Ejen Belian dan Jualan Komoditi adalah tertakluk kepada kadar keuntungan semasa Bank Islam bagi Transaksi Komoditi Berasaskan Murabahah. Pengesahan Transaksi berkaitan dengan pembelian dan jualan Komoditi Pelanggan akan dikeluarkan oleh Bank Islam kepada Pelanggan (atas permintaan) mengesahkan pembelian Komoditi daripada pembekal komoditi dan jualan Komoditi kepada Bank Islam.

7.3 Pelanggan walau bagaimanapun mempunyai pilihan untuk mengambil Komoditi secara fizikal sebelum penyempurnaan transaksi-transaksi Tawarruq dengan memberikan notis kepada Bank Islam, dengan syarat semua kos dan perbelanjaan yang berkaitan dengannya hendaklah ditanggung oleh Pelanggan.

7.4 Bank Islam dalam melaksanakan tanggungjawab dan aktiviti-aktiviti dalam Transaksi Pembelian Komoditi dan/atau Transaksi Komoditi Berasaskan Murabahah akan menjaga kepentingan pihak Pelanggan dan menjalankannya dengan tujuan yang baik.

7.5 Pelanggan akan menanggung ganti rugi dan memastikan Bank Islam ditanggung rugi ke atas segala tuntutan, tindakan, prosiding, kerosakan, kos dan perbelanjaan yang dikemukakan atau dituntut oleh mana-mana pihak terhadap Bank Islam dan/atau yang dibelanjakan atau didahulukan oleh pihak Bank Islam berkaitan dengan Transaksi-transaksi Komoditi sebagai ejen bagi pihak Pelanggan atau pelanggaran T&C ini oleh Pelanggan, kecuali perkara-perkara yang secara langsung disebabkan oleh salah laku, kecuaian atau pelanggaran syarat-syarat oleh Bank Islam. Tanggungan ganti rugi tersebut akan terus berkuat kuasa meskipun hubungan dengan pihak ejen telah ditamatkan dan sebarang jumlah pembayaran tidak boleh ditolak dari sebarang tuntutan, tuntutan-balas atau sebaliknya.

---

## 8.0 PAYMENT OF THE SALE PRICE (MURABAHAH)

8.1 Formula for computation of the profit and Sale Price (Murabahah) are as follows:

**<u>Calculation of Profit</u>**

Profit = P x R x T/365*
*denominator is as per market conversation.

Where:
P = Deposit Amount
R = Profit Rate (%) given upon the placement
T = Tenure (number of days, from placement date to maturity date)

For auto renewal of the deposit, the profit rate is to be based on Bank Islam's prevailing profit rate at the point of renewal.

**<u>Calculation of the Sale Price (Murabahah)</u>**

Sale Price (Murabahah) = Deposit Amount + Profit (total profit for the whole placement tenure)

## 8.0 PEMBAYARAN HARGA JUALAN (MURABAHAH)

8.1 Formula untuk pengiraan keuntungan dan Harga Jualan (Murabahah) adalah seperti berikut:

**<u>Pengiraan Keuntungan</u>**

Keuntungan = P X R x T/365*
*angka pembawah adalah mengikut kelaziman pasaran.

Iaitu:
P = Amaun Deposit
R = Kadar Keuntungan (%) yang diberikan atas deposit
T = Tempoh (bilangan hari, dari tarikh deposit hingga tarikh matang)

Bagi pembaharuan deposit secara automatik, kadar keuntungan akan dikira berdasarkan kadar keuntungan semasa Bank Islam pada waktu pembaharuan.

**<u>Pengiraan Harga Jualan (Murabahah)</u>**

Harga Jualan (Murabahah) = Amaun Deposit + Keuntungan (jumlah keuntungan bagi keseluruhan tempoh deposit)

**Illustration**

| | |
|---|---|
| **Deposit Amount** | RM100,000.00 |
| **Profit Rate** | 1.70% p.a. |
| **Tenure** | 3 months |
| **No. of Days** | 90 |
| **Placement date** | 01/04/2021 |
| **Maturity date** | 30/06/2021 |
| **Profit** | RM419.18 |
| **Sale Price (Murabahah)** | RM100,419.18 |

Realisation of the Sale Price (Murabahah) is subject to the completion of the Commodity Murabahah Transaction(s) and to the provision under Clause 8.2 herein.

8.2 Both Bank Islam and the Customer acknowledge that under the Commodity Murabahah Transaction(s), Bank Islam's payment obligation is to pay the Customer the Sale Price (Murabahah).

8.3 Bank Islam will at the instruction of the Customer pay the profit from the Commodity Murabahah Transaction(s) to the Customer either on monthly basis or upon maturity of the tenure as the case may be. If the profit is to be paid on monthly basis, the amount to be received by the Customer is equivalent to the profit amount to be distributed for the month whereas if the profit to be paid on maturity, Bank Islam shall pay the Customer the whole profit amount on lump sum basis or for every six (6) months as the case may be.

**Ilustrasi**

| | |
|---|---|
| **Amaun Deposit** | RM100,000.00 |
| **Kadar Keuntungan** | 1.70% setahun |
| **Tempoh** | 3 bulan |
| **Bilangan Hari** | 90 |
| **Tarikh Deposit** | 01/04/2021 |
| **Tarikh Matang** | 30/06/2021 |
| **Keuntungan** | RM419.18 |
| **Harga Jualan (Murabahah)** | RM100,419.18 |

Harga Jualan (Murabahah) adalah tertakluk kepada penyempurnaan Transaksi Komoditi Berasaskan Murabahah dan peruntukan di bawah Klausa 8.2 yang dinyatakan di sini

8.2 Kedua-dua Bank Islam dan Pelanggan memperakui bahawa bagi Transaksi Komoditi Berasaskan Murabahah, Bank Islam hanya bertanggungjawab membayar kepada Pelanggan Harga Jualan (Murabahah).

8.3 Bank Islam atas arahan oleh Pelanggan akan membayar keuntungan daripada Transaksi Komoditi Berasaskan Murabahah kepada Pelanggan sama ada secara bulanan atau pada tempoh matang, mengikut mana yang berkenaan. Sekiranya keuntungan dibayar secara bulanan, jumlah yang akan diterima oleh Pelanggan adalah bersamaan dengan jumlah keuntungan yang akan dibahagikan bagi bulan berkenaan, bagaimanapun sekiranya keuntungan dibayar pada tarikh matang, Bank Islam akan membayar kepada Pelanggan keseluruhan jumlah keuntungan secara sekaligus atau setiap enam (6) bulan yang mana berkenaan.

---

**9.0 WITHDRAWAL TRANSACTION**

9.1 Any withdrawal shall be made by written request bearing the authorised signature(s) registered with Bank Islam. Save and except for negligence, fraud and/or wilful default on the part of Bank Islam, Bank Islam shall not be responsible or held liable for any unauthorised entries in the account. The Customer shall therefore carefully examine the entries in the account and notify Bank Islam of any discrepancies within fourteen (14) days of receipt of the same failing which such entries will be regarded as valid and binding.

9.2 Partial withdrawal is not allowed.

9.3 This deposit is not allowed to be withdrawn unless it is returned with the Customer's signature and it shall not be withdrawn in different amount of cheque and draft.

9.4 Authorised letter is required in the absence of the Customer to receive the payment or request for third party payment.

9.5 The Customer hereby agrees that Bank Islam's determination of any amount payable to the Customer under the account for the circumstances as set out above, save for manifest error shall be final, conclusive and binding against the Customer.

**9.0 TRANSAKSI PENGELUARAN**

9.1 Sebarang pengeluaran hendaklah dibuat secara permintaan bertulis yang mengandungi tandatangan yang diberi kuasa yang berdaftar dengan Bank Islam. Melainkan sekiranya terdapat sebarang kecuaian, penipuan dan/atau kemungkiran secara sengaja di pihak Bank Islam, Bank Islam tidak akan bertanggungjawab atau tidak dikira bersalah ke atas sebarang pengeluaran yang tidak dibenarkan di dalam akaun. Pelanggan hendaklah berhati-hati memeriksa catatan dalam akaun dan memaklumkan kepada Bank Islam sekiranya terdapat sebarang kesilapan catatan dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh penerimaan catatan akaun tersebut dan Bank Islam akan menganggap catatan akaun sebagai teratur sekiranya terdapat kegagalan Pelanggan berbuat demikian.

9.2 Pengeluaran separa adalah tidak dibenarkan

9.3 Deposit ini tidak dibenarkan untuk dikeluarkan melainkan jika ia dikembalikan dengan tandatangan Pelanggan dan ia tidak boleh membuat pengeluaran dalam jumlah cek dan draf yang berbeza.

9.4 Surat kuasa diperlukan dalam ketiadaan Pelanggan untuk menerima bayaran atau permintaan untuk pembayaran pihak ketiga.

9.5 Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa sebarang amaun bayaran yang ditentukan oleh Bank Islam kepada Pelanggan di bawah transaksi akaun bagi pengeluaran yang berlaku melainkan terdapat kesilapan yang nyata adalah muktamad dan mengikat Pelanggan.

**10.0 PREMATURE WITHDRAWAL/ EARLY DEMAND OF PAYMENT BEFORE MATURITY DATE**

I/we hereby agree with the following for any premature withdrawal/ early demand of payment before maturity of the deposit:

a) I/We hereby undertake to grant Ibra' (rebate) on all of the profit comprised in the agreed Sale Price(Murabahah) to Bank Islam (after deducting any payment made to the Customer, as the case may be);

b) I/We fully understand and agree that, any deposit placement and/or renewal made prior to 1st January 2019 which matures after 1st January 2019, is also subject to the above clause should I/we wish to make premature withdrawal/ early demand of payment before the maturity date;

c) For interim profit payment (upon maturity/ premature withdrawal), if the total amount of interim profit paid is greater than the total amount of actual profit to be paid, the profit refund will be deducted from the Deposit Amount.

**10.0 PENGELUARAN PRAMATANG/ PERMINTAAN PEMBAYARAN AWAL SEBELUM TARIKH MATANG**

Saya/kami dengan ini bersetuju bahawa sebarang pengeluaran pramatang/ permintaan pembayaran awal sebelum tempoh matang deposit adalah:

a) Saya/kami dengan ini beraku janji akan memberi Ibra' (rebat) ke atas semua keuntungan yang terkandung dalam Harga Jualan yang dipersetujui (Murabahah) kepada Bank Islam (selepas ditolak apa-apa bayaran yang dibuat kepada Pelanggan, mengikut mana-mana yang berkenaan);

b) Saya/kami memahami sepenuhnya dan bersetuju bahawa sebarang deposit dan/atau pembaharuan yang dibuat sebelum 1 Januari 2019 yang matang selepas 1 Januari 2019, juga tertakluk kepada fasal di atas sekiranya saya/kami ingin membuat pengeluaran pramatang/ permintaan pembayaran awal sebelum tarikh matang;

c) Untuk pembayaran keuntungan interim (ketika matang/ pengeluaran pramatang), jika jumlah keuntungan interim yang dibayar adalah lebih besar daripada jumlah keuntungan sebenar yang akan dibayar, pengembalian keuntungan akan ditolak daripada Jumlah Deposit.

**11.0 AUTO RENEWAL**

11.1 If the Customer does not present/ renew the certificate after maturity date, the Customer shall be deemed agreed to renew the certificate automatically, and the provision under Clause 7.2(a) and (b) shall apply for the computation of Sale Price (Murabahah). This auto renewal will only be applicable for a total tenure of not more than seven (7) years, otherwise, Clause 18.0 will prevail.

11.2 Auto renewal is not applicable for TDTS. Customer is required to inform Bank Islam on the renewal instruction of TDTS on maturity. If there is no instruction received from customer on the maturity of TDTS, the money will remain in account and there will be no profit paid.

**11.0 PEMBAHARUAN SECARA AUTOMATIK**

11.1 Jika Pelanggan tidak menyerahkan/ memperbaharui sijil selepas tarikh matang, Bank Islam akan menganggap Pelanggan bersetuju untuk memperbaharui sijil secara automatik, dan peruntukan di bawah Klausa 7.2(a) dan (b) adalah terpakai bagi pengiraan Harga Jualan (Murabahah). Pembaharuan secara automatic ini hanya terpakai bagi jumlah tempoh masa tidak lebih dari tujuh (7) tahun, jika tidak, Klausa 18.0 akan terpakai.

11.2 Pembaharuan secara automatik tidak terpakai bagi TDTS. Pelanggan dikehendaki memberi arahan pembaharuan TDTS kepada Bank Islam pada tarikh matang. Jika Pelanggan tidak memberikan sebarang arahan pada tarikh matang, wang Pelanggan akan berada di dalam akaun dan tiada pembayaran keuntungan.

**12.0 FEES AND CHARGES**

12.1 No penalty charge will be imposed on any premature withdrawal.

12.2 Unless expressly stated herein, the Customer agrees that Bank Islam shall be entitled to charge a fee for any of its services provided to the Customer at the rates imposed by Bank Islam (as approved by Bank Negara Malaysia) and as set out in Bank Islam's website at www.bankislam.com. The Bank shall have the right to debit the IAH's account for the said charges.

**12.0 YURAN DAN CAJ**

12.1 Tiada caj penalti akan dikenakan bagi sebarang pengeluaran pramatang.

12.2 Kecuali dinyatakan secara jelas, Pelanggan bersetuju Bank Islam berhak mengenakan fi untuk mana-mana perkhidmatan yang diberikan kepada Pelanggan pada kadar yang ditetapkan oleh Bank Islam (dengan kelulusan Bank Negara Malaysia) dan seperti yang dinyatakan di laman web Bank Islam di www.bankislam.com. Bank Islam berhak mendebitkan akaun Pelanggan untuk caj tersebut.

**13.0 IRREGULARITIES**

13.1 The Customer is advised to carefully examine the entries of the account in the certificate and responsible to notify Bank Islam of any errors, irregularities, discrepancies or unauthorized claim, debits or credits or any transactions in the account as a result of forgery, fraud or lack of authority by any person as stated in the entries of the account in the certificate (herein after referred to as Irregularities) within seven (7) calendar days from the date the Customer receipt of the certificate.

**13.0 TIDAK ATURAN**

13.1 Pelanggan dinasihatkan untuk memeriksa dengan teliti catatan-catatan (entries) akaun di dalam sijil berkenaan dan bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada Bank Islam jika terdapat sebarang kesilapan, tidak aturan, percanggahan atau tuntutan yang tidak dibenarkan, debit atau kredit atau sebarang transaksi akaun yang disebabkan oleh pemalsuan, penipuan atau tanpa kebenaran lengkap oleh mana-mana individu seperti yang dinyatakan dalam catatan akaun dalam sijil (selepas ini dirujuk sebagai Tidak aturan) dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh Pelanggan menerima sijil.

13.2 Bank Islam shall regards all the entries of the account in the certificate is/are properly carried out and the Customer has accepted all matters contained in the certificate as true and accurate in all respects. Any disputes as to the transactions brought to Bank Islam after the said seven (7) calendar days shall not be entertained by Bank Islam.

